

03/03/2000

Tindakan tegas jika Harakah langgar syarat

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan akan mengambil tindakan lebih tegas terhadap lidah rasmi Pas, Harakah, jika ia terus melanggar undang-undang penerbitan, kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, kerajaan masih berlembut dengan membenarkan Harakah terus diterbitkan dua kali sebulan walaupun berulang kali memberi amaran kepada penerbitnya sebelum ini.

"Apabila anda melanggar undang-undang, anda seharusnya menjangka akan dihukum," katanya kepada pemberita selepas merasmikan seminar pengurusan Asean anjuran Persekutuan Ekonomi Kansai (Kankeiren) di Hotel Renaissance, di sini.

Beliau ditanya oleh seorang wartawan asing mengapa kerajaan memutuskan untuk membenarkan Harakah diterbitkan dua kali sebulan, dan tidak lagi dua kali seminggu seperti sebelum ini.

Semalam, Kementerian Dalam Negeri (KDN) meluluskan permit pengeluaran Harakah dua kali sebulan, berbanding dua kali seminggu sebelum ini.

Ditanya sama ada keputusan itu boleh disifatkan sebagai satu hukuman, Dr Mahathir berkata: "Anda boleh menganggapnya sebagai hukuman, tetapi hakikatnya ialah mereka telah melanggar syarat yang ditetapkan bagi penerbitan mereka."

Kepada soalan mengapa Harakah tidak boleh diharamkan terus, beliau berkata kerajaan sebenarnya masih berlembut setelah berulang kali memberi amaran kepada penerbitnya.

"Tetapi, jika mereka terus melanggar undang-undang, kita akan lebih tegas...kita tidak kasar seperti sesetengah negara di Barat," katanya.

Dr Mahathir berkata, penerbit Harakah sudah dipanggil dan diberitahu sebelum ini supaya jangan melanggar undang-undang seperti mengedarkannya kepada bukan ahli Pas tetapi mereka terus menjualnya kepada orang ramai terutama sewaktu pilihan raya baru-baru ini.

"Apabila seseorang atau sesuatu pihak melanggar undang-undang, ia seharusnya menjangka yang ia akan dihukum. Orang lain yang tidak melanggar undang-undang tidak dihukum. Undang-undang mesti dipatuhi sama ada seseorang itu daripada pembangkang atau kerajaan.

"Di negara ini, kita tidak berat sebelah. Anggota kerajaan yang melanggar undang-undang juga dihadapkan ke mahkamah, didakwa dan dihukum. Anggota pembangkang tidak boleh melanggar undang-undang dan mengharapkan keistimewaan diberikan kepada mereka dengan tidak dikenakan apa-apa tindakan," katanya.

(END)